

Asri berhak tubuh parti baru — Mahathir

UM 1 - MAR 1965

KUALA LUMPUR 28 Feb. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata bekas Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Haji Mohd. Asri Muda berhak menubuhkan parti baru asalkan parti itu mematuhi undang-undang dan peraturan pertubuhan.

Perdana Menteri menambah, beliau tidak nampak sebarang masalah bagi Datuk Haji Asri berbuat demikian kerana itu adalah haknya.

Bercakap kepada para pemberita ketika ditanya mengenai perkara berkenaan selepas upacara perasmian Persidangan Perusahaan EEC-ASEAN di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir enggan menyatakan sama ada langkah Datuk Asri menubuhkan parti baru itu bijak atau tidak.

"Saya tidak tahu. Saya juga tak mahu komen fasal itu" jawabnya ketika ditanya sama ada, pada pendapat beliau penubuhan parti baru oleh bekas pemimpin PAS itu dianggap bijak.

Datuk Asri yang meletakkan jawatan Yang Dipertua Agung PAS Oktober tahun lalu dan keluar dari parti tersebut

pada 23 Februari telah menyatakan hasratnya untuk menubuhkan sebuah parti baru yang dikatakan "parti Islam dan alternatif kepada PAS".

Ditanya pula sama ada Datuk Asri akan dapat memberikan sumbangan yang lebih kepada UMNO dengan memasuki parti itu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "Saya tidak tahu tentang itu. Dia (Datuk Asri) belum lagi memohon masuk UMNO, kenapa harus saya jawab soalan begitu?"

Beralih kepada pucuk pimpinan baru PAS pula, Perdana Menteri berkata mereka "tamak kuasa".

"Seperti orang kata, pemimpin-pemimpin PAS (sekarang) terlalu cepat berkehendakkan kuasa. Mereka tidak menunggu sehingga Datuk Asri bersara secara terhormat, sebaliknya mereka menyingkirkannya keluar dari parti", katanya.

Beliau menambah, segala kesalahan disiplin yang kononnya dilakukan oleh bekas Yang Dipertua Agung parti itu "sebenarnya hanyalah alasan sahaja".